



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892208
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.(S).600-5/4/46 (4)
Tarikh : **6** November 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N32 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan urusan persediaan pemangkuan jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N32. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini memohon kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan permohonan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) Gred N29 yang layak untuk dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- (i) Telah dilantik sebagai PPT Gred N29 pada **30 Jun 2015 dan sebelum;**
- (ii) Disahkan dalam perkhidmatan;
- (iii) Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan ke Gred N29 berubah ke tarikh 1 Julai 2015 dan seterusnya;

..2/

- (iv) Markah LNPT tahun terkini (2022) dan markah keseluruhan LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2020, 2021, 2022) **tidak kurang 80%;**
- (v) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (salinan hendaklah disertakan);
- (vi) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- (vii) Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- (viii) Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- (ix) **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. PPT Gred N29 yang telah genap 13 tahun perkhidmatan tidak akan diperakukan dalam urusan pemangkuan ke Gred N32 kerana pegawai telah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke Gred N32 secara TBK1. Sekiranya pegawai ingin ditempatkan secara hakiki di jawatan N32, ianya boleh dilaksanakan melalui dua (2) kaedah seperti berikut:

- (i) **Permohonan pegawai** untuk bertukar melalui sistem HRMIS dengan menyatakan alasan pertukaran bagi mengisi jawatan PPT Gred N32. Penempatan pegawai di jawatan hakiki akan dilaksanakan tertakluk kepada kekosongan jawatan dan giliran pertukaran ke lokasi yang dimohon;
atau
- (ii) **Permohonan Ketua Jabatan** kepada JPA untuk menempatkan pegawai yang telah TBK1 di jawatan hakiki yang kosong di Kementerian / Jabatan.

4. Semua pegawai yang layak dipertimbangkan bagi urusan ini perlu melengkapkan maklumat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C** dan **Lampiran D** seperti dilampirkan dan mengemukakannya kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing. Pihak BPSM Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah melengkapkan maklumat perkhidmatan pegawai ke dalam **Lampiran E** dan dihantar ke alamat e-mel seperti di Perenggan 6 manakala **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C** dan **Lampiran D** hendaklah dikemukakan kepada alamat berikut **sebelum atau pada 12 Disember 2023:**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

5. BPSM Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan juga perlu memastikan **hanya permohonan yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat – syarat di Perenggan 2 sahaja dikemukakan ke Jabatan ini.** Selain itu, BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan agar semua maklumat yang dikemukakan adalah **tepat berdasarkan maklumat terkini yang dicatatkan di dalam buku rekod perkhidmatan pegawai.** Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh pihak BPSM boleh menyebabkan urusan pemangkuan pegawai tidak dipertimbangkan. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses.**

6. Bagi memastikan urusan ini dilaksanakan secara teratur, disertakan Prosedur Urusan Persediaan Pemangkuan Jawatan PPT Gred N32 Perkhidmatan Gunasama Persekutuan seperti di **Lampiran I** untuk panduan dan rujukan. Sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- (i) Puan Haslina binti Awang Din - 03-8885 4351
haslina.din@jpa.gov.my
- (ii) Encik Muhd Syukor bin Abdul Hamid - 03-8885 4171
syukor.hamid@jpa.gov.my

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA
☎ : 03-8885 4110
✉ : nursara.abdullah@jpa.gov.my

**PROSEDUR URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN
JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PPT) GRED N32
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

